

OKTOBER
2020

Aspirasi
Kemimpinan

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pkn.gov.my

LAWATAN TIMBALAN KETUA PENGARAH UPE JPM MELAWAT PROJEK PKNP

Kuantan, 4 Oktober - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar mengalu-alukan lawatan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dr. Maziah binti Che Yusoff dan delegasi ke Kuantan, Pahang dengan beberapa program telah diatur.

Delegasi seramai 35 orang telah diraikan PKNP dalam Majlis Ramah Mesra di De Rhu Beach Resort Kuantan. Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun serta pengurus-pengurus bahagian/unit PKNP.

Keesokkannya, telah diatur lawatan ke Bengkel Rakyat Berserah yang merupakan salah satu projek yang telah mendapat peruntukkan berjumlah RM 1.4 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Encik Mohd Faizal juga berkesempatan memberikan taklimat ringkas sewaktu lawatan tapak ini berlangsung.

Lawatan diteruskan ke Pusat Pengembangan Tenun Diraja Pahang Sultan Haji Ahmad Shah yang terletak di Sungai Soi, Kuantan. Pusat ini ditadbir dan dikawal selia oleh salah satu anak syarikat PKNP iaitu Realistic Attraction Sdn Bhd (RASB). Istimewanya lawatan di sini, Dr. Maziah dan delegasi dapat melihat keunikan hasil tenunan yang dipamerkan tertib susunannya. Malah, para pelawat juga berpeluang melihat dan mencuba sendiri proses penyempurnaan tenunan di pusat tenunan ini.

Lawatan kerja daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri ini diadakan sempena berlangsungnya Kursus Pemantapan Ahli Lembaga Pengarah pada 4 - 6 Oktober di De Rhu Beach Resort, Balok, Kuantan. Kerjasama dua hala ini diharapkan dapat diteruskan dan kekal kukuh di masa hadapan demi kesejahteraan rakyat Negeri Pahang.



Encik Mohd Faizal menyampaikan cenderamata kepada Dr Maziah sebagai tanda penghargaan semasa lawatan ke Pusat Pengembangan Tenun Pahang DiRaja, Kg Soi, Kuantan



Lawatan ke Bengkel Rakyat Berserah, salah satu projek yang mendapat peruntukan JPM

LAWATAN BENCHMARK DELEGASI NEGERI PAHANG KE PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG (PDC)



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP serta delegasi Negeri Pahang bergambar bersama Pengurus Besar PDC, Dato' Mohd Bazid bin Haji Kahar

Pulau Pinang, 8 Oktober - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar bersama delegasi kerajaan Negeri Pahang menghadiri taklimat penanda aras Zon Perindustrian Bebas (FIZ) di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Delegasi kerajaan Negeri Pahang ini terdiri daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (PSUK),

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang (BPEN), Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) serta Jabatan Kastam Diraja Pahang.

Taklimat ini adalah sebahagian daripada atur cara lawatan selama sehari ke Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Lawatan ini bertujuan untuk melaksanakan kajian awal bagi pelaksanaan Zon Perindustrian Bebas di Daerah Kecil Gebeng, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Turut hadir mewakili PKNP adalah Pengurus Bahagian Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Pegawai Bahagian Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani.



Sesi taklimat PDC kepada delegasi negeri Pahang

YB PENERUSI JAWATANKUASA KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN NEGERI PAHANG LAKUKAN LAWATAN KERJA KE KOMPLEKS TERUNTUM



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP memberikan penerangan berkaitan kemajuan kerja-kerja yang sedang dilaksanakan di Kompleks Teruntum kepada YB Dato' Abdul Rahim bin Muda

Kuantan, 27 Oktober- YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, Dato' Abdul Rahim bin Muda telah melakukan lawatan kerja ke Kompleks Teruntum bagi meninjau kemajuan kerja-kerja mengecat bangunan Kompleks Teruntum, pemasangan kanopi niaga serta melawat para peniaga di dalam kawasan bangunan tersebut.

Untuk rekod sejumlah RM 1.1 juta peruntukan di bawah Projek-Projek Rangsangan Ekonomi Prihatian Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah

diluluskan kepada PKNP untuk kerja-kerja mengecat bangunan Kompleks Teruntum serta pemasangan kanopi niaga di bahagian hadapan bangunan tersebut. Kerja-kerja mengecat bangunan ini dijangka siap sepenuhnya pada akhir bulan November 2020.

Turut mengiringi, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif PAIP, Encik Saiful Zaini bin Mohd Bokhari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Setiausaha Perbadanan, Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin serta pengurus-pengurus bahagian/unit PKNP yang terlibat.



YB Dato' Abdul Rahim meninjau kerja-kerja membaiki-pulih di Tingkat 2 yang dilaksanakan oleh Kim Stone Resources, salah sebuah syarikat yang menyewa di Kompleks Teruntum

“PKNP PERLU BERGERAK KE DEPAN DENGAN HALA TUJU BAHARU BAGI TERUS MEMACU EKONOMI DI NEGERI PAHANG” - YB Setiausaha Kerajaan Pahang



YB. Dato' Sri sempat beramah mesra bersama Ketua Pegawai Eksekutif PKNP serta pegawai-pegawai PKNP

Genting Highlands, 21 Oktober - YB Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak menyarankan PKNP bergerak ke depan dengan hala tuju baharu bagi terus memacu ekonomi negeri serta perlu bijak merebut peluang terutama dalam sektor perindustrian yang terbuka luas.

Beliau menyatakan demikian ketika dijemput menyampaikan ucapan/amanat sempena penganjuran Bengkel Strategic Review PKNP 2020 - 2026 di Hotel Geo Resort, Genting Highlands, Pahang baru-baru ini, selama 3 hari bermula 21 hingga 23 Oktober 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menyatakan bahawa penganjuran bengkel ini adalah satu keperluan dan bertepatan pada masanya dengan melihat kepada keadaan ekonomi semasa, dinamika pasaran dan kesan daripada penularan wabak Covid - 19.

Pada akhir bengkel, beberapa strategi sebelum ini telah disusun kembali dan diperkemas. Hala tuju PKNP kini akan memberi lebih penekanan kepada sektor perindustrian, pengurusan aset dan pembangunan hartanah.

Bengkel ini dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Setiausaha Perbadanan, Y.Bhg Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Pengurus - Pengurus Bahagian/Unit serta Penolong-Penolong Pengurus Bahagian/ Unit.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP mempengerusikan Bengkel Strategic Review PKNP 2020-2026

AUDIT PEMANTAUAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI

- PKNP Berjaya Meneruskan Persijilan ISO 9001:2015



Ketua Pegawai Eksekutif mempengerusikan Mesyuarat Pembukaan Audit Pemantauan SPK secara maya bersama pihak SIRIM QAS

Kuantan, 16 Oktober - Hasil daripada kerja-kerja pengauditan pemantauan yang dilaksanakan SIRIM selama dua hari, PKNP berjaya meneruskan persijilan ISO 9001:2015.

Perkara ini dinyatakan oleh Ketua Juruaudit Encik Mohd Nasim bin Zakaria ketika membentangkan hasil rumusan audit serta cadangan penambahbaikan di mesyuarat penutup audit.

Untuk rekod, buat julung kalinya pihak SIRIM telah melaksanakan Audit Pemantauan SPK PKNP secara maya berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Bersyarat (PKPB) di kawasan Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya bermula 14 Oktober hingga 27 Oktober 2020.

Sebelum itu, dalam mesyuarat pembukaan audit pada hari pertama, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak SIRIM walaupun tidak dapat hadir secara fizikal tetapi kerja-kerja pengauditan tetap berjalan walaupun secara maya.

Kerja-kerja pengauditan telah dilaksanakan oleh SIRIM QAS yang diketuai oleh Ketua Juruaudit, Encik Mohd Nasim bin Zakaria dan Encik Mahmud Rizal bin Othman.

"GUBAL POLISI PENGURUSAN RISIKO RASUAH"

- Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

Kuantan, 9 Oktober - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar mengarahkan semua bahagian/unit di PKNP serta anak-anak syarikat PKNP untuk menggubal Polisi Pengurusan Risiko sebagai salah satu mekanisme kawalan dalaman untuk meminimumkan risiko amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.

Beliau menyatakan demikian ketika menyampaikan rumusan di hari terakhir Kursus Pengurusan Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management*) yang berlangsung selama dua hari pada 8 - 9 Oktober 2020 di Dewan Seminar EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

Beliau juga memberi penekanan kepentingan kepada tadbir urus yang baik (*good governance*) dalam organisasi PKNP yang perlu diterapkan kepada semua peringkat kakitangan PKNP.

Kursus CRM ini dikendalikan oleh Encik Mohd Rezaidi bin Mohd Ishak daripada QTC Management Consultant Sdn. Bhd. Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun serta 51 orang pegawai yang terdiri Pengurus-Pengurus, pegawai-pegawai bahagian/unit PKNP serta pegawai-pegawai kanan anak-anak syarikat PKNP.



"Gubal Polisi Pengurusan Risiko Rasuah" - Encik Mohd Faizal



Para peserta memberikan tumpuan semasa kursus berlangsung

SESI MENANDATANGANI SURAT AKU JANJI ANGGOTA PEKERJA BAHARU DAN PENYERAHAN SURAT KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN

Kuantan, 26 Oktober - Sesi menandatangani Surat Aku Janji pekerja baharu dan penyerahan Surat Kenaikan Pangkat Secara *Time Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK 13 Tahun) Khas Untuk Penyandang (KUP) telah diadakan baru-baru ini.

Antara kakitangan lantikan baharu ialah Encik Muhammad Syafiq bin Mat Ali (Gred N41), Bahagian Pemasaran & Pengurusan Harta bermula 3.8.2020, Encik Muhammad Syafiq bin Sudin (*Inspector of Work*), Bahagian Teknik bermula 1.9.2020 dan Encik Mohd Izzat Farhan bin Dzulkufli (*Inspector of Work*), Bahagian Teknik bermula 1.9.2020.

Tiga orang kakitangan PKNP pula diluluskan kenaikan pangkat secara *time based* berasaskan kecemerlangan iaitu Puan Azlina binti Mohamad (Penolong Juruukur Bahan Gred JA29 ke JA36 (KUP), Bahagian Teknik berkuatkuasa 1.11.2020, Puan Che Nor Shamsina binti Che Yahya (Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 ke N22 (KUP), Bahagian Hal Ehwal Korporat berkuatkuasa 1.11.2020 serta Puan Roslinaliza binti Osman (Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 ke N22 (KUP), Bahagian Kewangan berkuatkuasa 1.11.2020.



Ketua Pegawai Eksekutif menyaksikan kakitangan lantikan baharu menandatangani Surat Aku Janji



Penerima surat kenaikan pangkat secara *time based*



LAWATAN PARA PELAWAT KE PUSAT PENGEMBANGAN TENUN PAHANG DIRAJA SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KG SOI, KUANTAN SEPANJANG

Oktober 2020



Lawatan daripada Isteri-Isteri Pengurusan Tertinggi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia pada 1.10.2020



Lawatan daripada Isteri-Isteri Pegawai Polis 2.10.2020

Sidang Redaksi

Penaung / Penasihat
◆ Encik Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Penyelaras Penerbitan
◆ Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

Ketua Editor
◆ Puan Nor Azlin binti Ahmad

Grafik
◆ Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasi
◆ Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid
◆ Encik Nik Mohd Khayimi bin Nik Kamarulzaman

Jurufoto
◆ Encik Saiful Azli bin Yahia
◆ Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid
◆ Encik Nik Mohd Khayimi bin Nik Kamarulzaman

Firman Allah S.W.T : "Ingatlah ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhan kamu, lalu Dia perkenankan permohonan kamu (dengan firman-Nya): Sesungguhnya Aku akan membantu kamu dengan seribu (bala tentera) daripada malaikat yang datang berturut-turut. Dan Allah tidak menjadikan (bantuan malaikat) itu melainkan sebagai berita gembira dan supaya hati kamu tenang tenteram dengannya. Dan kemenangan itu pula hanyalah dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." (Surah al-Anfal, ayat 9-10)